

PERATURAN & SYARAT PERTANDINGAN

1. NAMA PERTANDINGAN & PENGANJUR

Pertandingan ini adalah program anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak bersempena dan dinamakan 'Pertandingan Badminton Berpasukan Mewakili Masjid/ surau sempena sambutan Festival Maal Hijrah 1448H/2026'.

2. TARIKH, MASA & TEMPAT PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan ini akan diadakan pada **12 hingga 14 Jun 2026** bertempat di **Dewan PBBS, Petra Jaya**. (Tertakluk kepada perubahan)
- 2.2 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **10 Jun 2026**, jam 5.00 petang. (Terhad kepada 32 pasukan terawal)
- 2.3 Cabutan undi akan diadakan pada **11 Jun 2026**, jam 8.00 malam bertempat di Bilik Mesyuarat, Jabatan Pengurusan Masjid-Masjid, Masjid Jamek Negeri Sarawak.

3. PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan terbuka kepada semua pemain bumiputra bermastautin di Sarawak.
- 3.2 Setiap pasukan boleh mendaftarkan minima 6 orang dan maksima 9 orang.
- 3.3 Penganjur berhak menjemput mana-mana pemain/pasukan untuk menyertai pertandingan ini.
- 3.4 Penambahan/ pertukaran pemain adalah tidak dibenarkan setelah perlawanan pertama dalam pertandingan dimulakan.
- 3.5 Setiap pasukan mestilah **didaftarkan mewakili nama MASJID atau SURAU**.
- 3.6 Yuran penyertaan adalah **RM250.00** sahaja untuk satu pasukan.

4. FORMAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan diadakan secara liga berkumpulan dan pasukan teratas dalam setiap kumpulan akan mara ke pusingan kalah keluar di peringkat suku akhir. (Tertakluk kepada jumlah penyertaan dan keputusan pihak penganjur)
- 4.2 Format pertandingan adalah berdasarkan 3 perlawanan mengikut sistem kiraan 21 mata tertakluk kepada susunan perlawanan seperti di bawah. Pasukan diisytiharkan menang berdasarkan kemenangan **DUA (2)** terbaik dari tiga (3) perlawanan untuk pusingan kalah keluar.
 - 1) Bergu Lelaki Terbuka
 - 2) Bergu Lelaki Veteran (Umur 45 tahun ke atas)
 - 3) Bergu Lelaki Terbuka
- 4.3 Semua pengurus/ ketua pasukan hendaklah menghantar senarai pemain (line up) kepada penganjur 10 minit sebelum masa yang telah ditetapkan dalam jadual perlawanan.

5. BULU TANGKIS (SHUTTLECOCK)

Bulu tangkis rasmi untuk pertandingan adalah 'Ling Mei Silver' (tertakluk kepada perubahan). Pihak penganjur akan menyediakan 'shuttlecock' untuk perlawanan **peringkat separuh akhir** dan **peringkat akhir** sahaja.

6. PENGADIL (UMPIRE) & PENGADIL GARISAN (LINESMAN)

Pihak penganjur akan menyediakan 'umpire' dan pengadil garisan dari peringkat suku akhir dan seterusnya. Setiap pasukan dikehendaki menyediakan 'umpire' dan 'linesman' untuk perlawanan sebelumnya.

7. PERATURAN & UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 7.1 Peraturan adalah berdasarkan undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) dan syarat/ peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur akan menjadi panduan di sepanjang pertandingan.
- 7.2 Keputusan penganjur adalah **MUKTAMAD** dalam semua hal yang berbangkit dalam pertandingan.
- 7.3 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan/ kecederaan/ kematian yang menimpa mana-mana peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

8. HADIAH

- 8.1 Juara : Wang tunai (RM 2,000.00), Piala Iringan & cenderamata.
- 8.2 Naib Juara : Wang Tunai (RM 1,600.00),Piala Iringan & cenderamata.
- 8.3 Tempat ke-3 : Wang Tunai (RM 1,200.00), Piala Iringan & cenderamata.
- 8.4 Tempat ke-4 : Wang Tunai (RM 800.00) & cenderamata.

9. BORANG PENYERTAAN

Sebarang pertanyaan dan penghantaran Borang Penyertaan adalah seperti di alamat berikut:

Urusetia Pertandingan Badminton FMH 1448H,
Kompleks Raudhatul Sakinah Kuching
Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah (Semariang)
Tel. 082-646761

1. Mohamad Faisal bin Hj Johan (0178045230)
2. Ahmad Rabbani bin Hj Taufek (0168905349)
3. Nurul Naziefah Martin binti Yusuf (0143799496)



**PERTANDINGAN BADMINTON
SEMPENA FESTIVAL MAAL HIJRAH**



BORANG PENDAFTARAN

NAMA MASJID/SURAU :	
NAMA PENGURUS PASUKAN :	
ALAMAT:	
NO. TELEFON:	

BIL.	NAMA PEMAIN	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			

* Saya memperakui semua maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju untuk mematuhi semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Tandatangan Pengerusi
Masjid/Surau dan Cop

Tandatangan

.....

.....

Nama
No. K.P.

(Pengerusi Pasukan)

Tarikh:.....

Tarikh:.....

Untuk Kegunaan Urusetia : Tarikh Penerimaan/Pendaftaran :